
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2005/2006

April-Mei 2006

RPK 323 – Perancangan dan Pembangunan Pelancongan

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEMBILAN** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Soalan ini mengandungi **3 Bahagian**:-

- Bahagian A** – Soalan Objektif (Jawab **SEMUA** soalan)
Bahagian B (Jawab **LIMA** soalan sahaja)
Bahagian C (Jawab **SEMUA** soalan)

(Pastikan jawapan untuk **Bahagian A** dibuat atas **BORANG OMR**)

- 2 -

Bahagian A (Jawab SEMUA soalan) (30 Markah)

1. Berikut adalah elemen-elemen penting ke arah pengujudan produk pelancongan yang berkualiti:
 - A. Logi fizikal
 - B. Kebebasan Memilih
 - C. Perkhidmatan
 - D. Input asas
2. Konsep Pelancongan Mampan **BUKANNYA** bertujuan untuk:
 - A. mengekalkan karektor penduduk tempatan
 - B. Untuk mengekalkan lanskap dan habitat
 - C. mengekalkan ketibaan pelancong agar bilangannya terus meningkat
 - D. Untuk menjana kefahaman dalam kalangan pihak berkuasa perancangan sesuatu kawasan agar mempelbagaikan sumber ekonomi dan tidak terlalu bergantung kepada pelancongan.
3. Contoh produk pelancongan peringkat makro adalah:
 - A. Pusat bandar Georgetown
 - B. Disneyland Tokyo
 - C. Fort Cornwallis
 - D. Mee Udang Sungai Dua
4. Kenyataan berikut adalah kurang tepat mengenai pelancong Jepun:
 - A. Mereka pandai tawar menawar
 - B. Mereka dianggap 'Yellow Cab' di sesetengah destinasi
 - C. Kebanyakannya boleh digolongkan sebagai 'Mass Travelers'
 - D. Mereka merupakan kumpulan utama yang mengunjungi homestay di Malaysia
5. Di kawasan Larut Matang, alat yang digunakan oleh pengusaha-pengusaha kilang arang untuk menghasilkan arang dinamakan:
 - A. igloo
 - B. Dapur
 - C. Corong
 - D. Oven

- 3 -

6. Dalam promosi "Malaysia: Truly Asia", Malaysia digambarkan sebagai sebuah Negara yang berbilang bangsa. Pendekatan ini, bagaimanapun menghadapi satu masalah asas. Masalah tersebut adalah:
 - A. kerana negara-negara Asean yang lain juga mempunyai penduduk yang berbilang bangsa
 - B. kerana terdapat pelbagai kumpulan etnik di Negara ini dan masing-masing perlu ditonjolkan
 - C. Pelancong tidak tahu dimana letaknya Malaysia
 - D. Negara ini mendapat saingan yang kuat dari Singapura
7. Salah satu dari berikut **BUKAN**lah satu prinsip pembangunan resort yang baik:
 - A. Mematuhi had tampungan kawasan
 - B. Menghimpunkan kesemua kemudahan di tengah-tengah
 - C. Mengamalkan konsep penjimatan sumber
 - D. Mengutamakan penggunaan ekslusif ruang dan fasiliti hanya kepada tetamu resort
8. Karakter seseorang pelancongan kategori allosentrik adalah:
 - A. Sering perlukan pemandu pelancong
 - B. Suka melawat tempat seperti Paris dan Miami
 - C. Akan tinggal lama di sesebuah destinasi
 - D. Suka melancong secara berkumpulan
9. Faktor-faktor berikut telah menyumbang kepada kejatuhan bilangan pelancong asing ke Negara ini antara tahun 1996 hingga 1998, **KECUALI**:
 - A. Jerebu
 - B. Pergolakan politik
 - C. Jangkitan Coxsackie
 - D. Kejatuhan nilai matawang Ringgit berbanding Dolar Amerika
10. Pada lazimnya, pelancong Jepun akan keluar melancong pada waktu berikut, **KECUALI**:
 - I. awal musim panas
 - II. awal tahun
 - III. Minggu Emas
 - IV. Selepas Tamat Pengajian Universiti
 - B. I, II, III
 - C. II, III, IV
 - D. I, II, dan IV
 - E. I, II, III, IV

- 4 -

11. ‘MICE’ bermaksud?
- A. Meeting-Incentives-Convention-Exposition
 - B. Meeting-Investment-Conference-Exposition
 - C. Management-Incentives-Convocation-Exhibition
 - D. Mining-Incentives-Concerts-Exhibition
12. Antara berikut bukannya kesan sosial terhadap pelancongan
- A. Kesan demonstrasi
 - B. Kesan inflasi
 - C. Hanyut Budaya
 - D. Pembudayaan
13. Fenomena “Yen Daka” memberi kesan yang hebat kepada sektor pelancongan di Jepun dan juga di seluruh dunia. “Yen Daka” adalah:
- A. Peningkatan nilai matawang Yen
 - B. Kejatuhan nilai matawang Yen
 - C. Arahan dari Dr. Sun Yen Sat agar Negeri China memboikot Jepun
 - D. Yen tidak lagi dapat diterima dengan meluas di Amerika Syarikat
14. Mercu tanda utama yang mesti dilawati oleh mereka yang melancong ke Kuala Lumpur pada tahun 1970an dahulu adalah:
- A. Tugu Negara
 - B. Chow Kit Road
 - C. Zoo Negara
 - D. Dataran Merdeka
15. Contoh destinasi yang menjadikan kesedihan tragedi lampau sebagai tarikan pelancongan adalah:
- I. Kyoto
 - II. Hiroshima
 - III. Cambodia
 - IV. Hong Kong
- A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. III dan IV
 - D. I, II, III dan IV

- 5 -

16. Faktor yang mempengaruhi pemilihan sistem pengangkutan adalah :
- I. Harga tiket
 - II. Keselesaan
 - III. Kemudahsampaian
 - IV. Keunikan
- A. I, II, III
 - B. II, III, dan IV
 - C. I, II, dan IV
 - D. I, II, III, IV
17. Lambang atau pun maskot yang ikon imej pada masa sekarang adalah:
- A. Penyu
 - B. Bunga raya
 - C. Orang Utan
 - D. Kuda Laut
18. Imej Malaysia tidak pernah digambarkan sebagai:
- A. Negara islam yang bersih
 - B. Pusat membeli belah yang ternama
 - C. Negara tropika yang panas dan kadang-kadang hujan
 - D. Mempunyai masyarakat berbilang bangsa
19. Suatu ketika dahulu, Negara ini pernah dipromosikan sebagai sebuah negara bersih. Bersih dalam konteks ini bermaksud:
- A. bersih dari sampah sarap
 - B. bersih dari pelacuran dan jangkitan aids
 - C. bersih dari gejala rasuah
 - D. bersih dari penyakit selsema burung
20. Tahun Melawat Malaysia yang **PERTAMA** adalah pada tahun:
- A. 1990
 - B. 1992
 - C. 1994
 - D. 1998

21. Dalam mengamalkan konsep kemampanan, Hutan Paya Bakau di Larut Matang Selama dipotong setiap _____ tahun dan seterusnya ditanam semula.
- A. 10 tahun
B. 30 tahun
C. 60 tahun
D. 90 tahun
22. Salah satu dari kenyataan berikut agak kurang tepat:
- A. Singapura merupakan destinasi utama rakyat Negara ini pergi membeli belah pada hari ini
B. Balik kampung tidak lagi menjadi tujuan utama rakyat Malaysia melancong
C. Negara Thai masih dianggap sebagai sebuah syurga lelaki dan dikaitkan dengan pelancongan seks
D. Pada awal pembangunan pelancongan, sektor ini dikaitkan dengan Budaya Kuning
23. Suatu ketika dahulu Singapura merupakan sebuah destinasi yang popular dalam kalangan rakyat Malaysia. Hari ini, Singapura tidak lagi dilihat sebagai sebuah destinasi utama. Hal ini kerana:-
- A. Nilai matawang dolar Singapura telah banyak meningkat berbanding dengan Ringgit
B. Penduduk Singapura tiada lagi semesra dahulu
C. Hubungan diplomatik antara Malaysia dengan Singapura semakin memburuk
D. Tidak banyak perubahan yang berlaku di Singapura dan tidak banyak produk Pelancongan baru yang dibangunkan
24. Sistem pelancongan melibatkan **DUA** perkara utama iaitu:
- A. Makan dan minuman
B. Pengangkutan dan Penginapan
C. Pasaran dan Destinasi Pelancong
D. Pengurusan dan Pemasaran
25. Analisa Permintaan Pelancongan perlu mengambilira aspek berikut, **KECUALI**
- A. Permintaan Berkesan
B. Permintaan Tidak Berkesan
C. Keupayaan dan Kesuaian Masa
D. Sistem Lalulintas

- 7 -

26. Organisasi yang **TIDAK** mengurus dan menyelenggarakan pusat rekreasi di Malaysia adalah:
- A. Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah
 - B. Persatuan Penduduk Taman Perumahan
 - C. Jabatan Kerja Raya Negeri
 - D. Jabatan Perhutanan Negeri
27. Menilai permintaan pelancongan perlu dianalisis dalam aspek berikut:
- A. Jenis Produk Disediakan
 - B. Memberi hasil kepada operator dan pelancong
 - C. Kualiti produk dan ketahanan
 - D. Pemasaran dijalankan setiap musim percutian.
28. Berikan penyesuaian yang **TIDAK TEPAT**.
- A. Taman Negeri- Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah
 - B. Kuala Gula , Perak – Jabatan Perhutanan dan Jabatan Perhilitan
 - C. Pulau Perhentian dan Pulau Tioman – Pantai Malaysia Barat
 - D. Unit Taman dan Rekreasi – Pihak Berkuasa Tempatan
29. Pembangunan Resort adalah berasaskan kepada kategori berikut, **KECUALI**
- A. Water-Based (laut/sungai/tasik/air terjun)
 - B. Government -Based (projek cadangan kerajaan)
 - C. Mountain-Based (pergunungan/tanah tinggi/gurun)
 - D. Bangunan/ Kawasan Sejarah dan Warisan
30. Dalam menentukan destinasi pelancongan untuk bercuti, pelancong-pelancong luar memberikan kriteria berikut untuk membuat keputusan:
- I Kos Perjalanan dan Penginapan
 - II Stabiliti Politik Negara yang Akan Dilawati
 - III Jarak Perjalanan
 - IV Taraf pendapatan penduduk negara dilawati
- A. I dan II
 - B. I , III , IV.
 - C. II dan IV
 - D. I , II , III dan IV.

(30 markah)

BAHAGIAN B (Jawab LIMA soalan sahaja)

1. Bali pernah dibom oleh pengganas. Pengeboman ini menimbulkan pelbagai kesan. Senaraikan **TIGA** kesan serta merta terhadap sektor pelancongan di Bali selepas pengeboman tersebut.

(8 markah)
2. Bincangkan dengan ringkas, **TIGA** faktor yang boleh mempengaruhi corak dan keinginan rakyat Malaysia untuk melancong.

(8 markah)
3. Terangkan bagaimana kemajuan IT dapat mempengaruhi sektor pelancong?

(8 markah)
4. Apakah yang dimaksudkan sebagai '**Kesan Demonstrasi**'.

(8 markah)
5. Terangkan apa yang sebagai "Kolonisma Baru" dalam konteks pelancongan.

(8 markah)
6. Bagaimana Malaysia boleh menandingi dan bertahan dalam menggalakkan pelancong luar memasuki negara ini, dibandingkan dengan negara Asia Tenggara yang lain?

(8 markah)
7. Pelancongan sering ditakrifkan sebagai satu industri dan adakala sebagai satu sektor. Huraikan dengan ringkas pendapat anda tentang perkara ini

(8 markah)

- 9 -

BAHAGIAN C (Jawab SEMUA soalan)

1. Dengan memberi contoh, terangkan bagaimana sebuah destinasi ekopelancongan menerima kesan pelancongan dan boleh mengalami era kejatuhan.

(15 markah)

2. (a) Pusat-pusat peranginan (resort) samada di kawasan pulau, pantai atau pusat bandar mempunyai elemen yang sama dari segi fungsi , rekabentuk tempat penginapan serta jenis/ kumpulan penginap. Berikan 3 (tiga) contoh bagi setiap lokasi tersebut dan bincangkan elemen-elemen yang berkaitan bagi pusat-pusat berkenaan.

(10 markah)

- (b) Sejauh mana penawaran dari pihak operator pelancongan dapat memenuhi permintaan pelancong di Malaysia masa kini?

(5 markah)

- ooo O ooo -